

Sokongan Rawatan

Pemulihan Penagihan Dadah

PENAGIHAN dadah dikatakan sebagai penyakit yang melibatkan perubahan struktur otak kronik berulang-ulang dan menyebabkan perubahan kognitif, tingkah laku dan emosi (Nazira, 2021).

Berdasarkan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), jumlah penagih dadah dan substans pada tahun 2020 adalah seramai 128,325 orang. Majoritinya ialah lelaki (95.5%), belia berumur 19 hingga 39 tahun (65.0%). Selain itu, pengguna dadah juga dilaporkan terdiri daripada remaja berumur 13 hingga 18 tahun (2.0%).

Kategori dadah yang dilaporkan berdasarkan data tahun 2020 ialah dadah jenis amphetamine iaitu jenis stimulan. Berdasarkan statistik dan berita tentang penagihan dadah saban hari, adakah program yang telah dilaksanakan di institusi pemulihan atau pusat tahanan tidak berkesan?

Hakikatnya, Malaysia sangat komited memerangi penyalahgunaan dadah dengan melaksanakan langkah intervensi dan prevensi menerusi Agensi Antidadah kebangsaan Malaysia (AADK) dan Jabatan Penjara Malaysia sama ada menerusi program rawatan dan pemulihan dalam institusi dan pemulihan dalam komuniti.

Di peringkat tempatan pelbagai pendekatan digunakan dalam program rawatan dan pemulihan dadah. Antaranya, Program Rawatan Terapi Gantian (RTG) dengan memberi dadah gantian. Kesemua pendekatan yang digunakan adalah berkait rapat dengan kadar kebergantungan penagih kepada dadah.

Hasilnya, ada yang telah pulih sepenuhnya, ada juga yang pulih dan kembali menagih. Sehubungan itu, dalam konteks penyalahgunaan dadah, penagihan didefinisikan sebagai kecelaruan berulang dan kronik terhadap penggunaan dadah yang mengakibatkan kesan buruk.

Antara kesannya, organ badan tidak berfungsi dengan baik dan jika tidak dirawat boleh menyebabkan keadaan diri menjadi tidak terkawal dan membahayakan diri dan orang lain.



Penagihan bukan sahaja dikatakan sebagai penyakit kronik berkaitan otak, namun penagihan juga merupakan proses pembelajaran yang diperoleh daripada faktor sosial dan persekitaran.


Secara umumnya, kecenderungan ahli psikologi mengkaji manusia boleh dibahagikan kepada dua mengikut minat kajian tahap minda, sama ada minda sedar atau minda bawah sedar. Kebanyakan ahli psikologi mengamalkan praktikal pendekatan behaviorisme, kognitif dan humanistic bagi mengkaji manusia pada tahap minda sedar.

Buku *Sokongan Rawatan Pemulihan Penagih Dadah* ini merupakan panduan lengkap berkaitan kemahiran membantu individu yang sedang menjalani proses rawatan pemulihan penagihan dadah atau substans.

Kesemua kaedah yang diuraikan dalam buku ini adalah berdasarkan Modul Bimbingan Kepimpinan Kendiri. Tujuan buku ini dihasilkan adalah memberi pengetahuan asas kemahiran. Buku ini juga, adalah buku strategi kecemerlangan yang disusun langkah satu persatu daripada Projek Printis Perneriksaan Klien Menerusi SLC yang telah dilaksanakan selama 12 bulan.

Matlamat utama pendekatan Bimbingan Kepimpinan Kendiri adalah membantu individu merealisasikan impian menjadi individu berimpak kepada pembangunan negara dengan bebas daripada penyalahgunaan dadah dan kekal dalam pekerjaan atau bidang yang diusahakan.

Penulis menyatakan buku ini merupakan buku pertama yang



Tajuk: Sokongan Rawatan Pemulihan Penagihan Dadah

Penulis: Hanina H. Hamsan

Penerbit: Universiti Putra Malaysia

Tebal: 161 Muka Surat

Pengulas: Fatmawati Lapida
Perpustakaan Desa Kg. Pasir Putih,
Tawau.

menggabungkan pendekatan Terapi Kognitif-Tingkah Laku (CBT) dan Pemrograman Neuro-Linguistik (NLP) dalam rawatan sokongan pemulihan penagihan dadah yang dinamakan sebagai Bimbingan Kepimpinan Kendiri. Harapan penulis semoga buku ini dapat memberi manfaat kepada semua dalam membina, mengukuhkan dan mencapai matlamat destini kehidupan.

Buku ini merupakan salah satu koleksi buku yang terdapat di Perpustakaan Desa Kampung Pasir Putih, Tawau. Jika berminat untuk meminjam buku ini, sila berkunjung ke Perpustakaan Desa Kampung Pasir Putih, Tawau atau ke perpustakaan yang terdekat untuk proses peminjaman buku. Selain itu, sila layari laman sesawang Perpustakaan Negeri Sabah di www.ssl.sabah.gov.my atau hubungi talian ini 088-231623, 214828, 256192 untuk mengetahui ketersediaan buku ini.